

Hidangan silang generasi

Oleh LINILIDIA ABDUL HAMID

lini@sph.com.sg

BERBEKALKAN resipi nasi pilaf dan ayam masak cili hijau, keluarga Cik Saedah Tahir sudah bersedia memberi satu lagi persembahan menarik dalam peringkat akhir pertandingan memasak silang generasi.

Peringkat akhir pertandingan memasak *The Great Cook-Off* itu berlangsung malam ini di Dream Kitchen, Kelab Masyarakat (CC) Marine Parade.

Selain dua hidangan utama itu, Cik Saedah juga bercadang menghidangkan salad mangga.

"Hidangan saya nanti ada gunakan santan. Jadi untuk pastikan hidangan lebih sihat, kami tambahkan salad mangga. Salad mangga baik untuk pecahkan lemak," kata nenek berusia 61 tahun itu.

Menurut beliau, yang memang gemar memasak, semua resipi itu dipelajari agak lama dahulu daripada rakan-rakannya.

Pertandingan *The Great Cook-Off* itu bertujuan menggalak para peserta berkongsi resipi dan menjalin hubungan silang generasi dan dianjurkan syarikat Hand Me Down yang diterajui penulis, Cik Sylvia Toh Paik Choo, dan rakan kongsinya, Encik Jean-Francois Susbielle.

Peringkat awal pertandingan itu diadakan di Kelab Masyarakat Jurong Green dan Braddell Heights.

Semasa pertandingan peringkat awal, Cik Saedah dibantu menantu-

nya, Cik Norashikin Abu Hussain, 31 tahun, dan cucunya, Nur Safinatur Najah Mohd Sulaiman, 14 tahun.

Mereka menghidangkan resipi rendang asal Melaka dengan udang sebagai bahan utama, selain nasi pelangi ciptaan Cik Saedah sendiri.

Untuk peringkat akhir, Cik Saedah menggantikan Najah dengan cucu lelakinya, Mohd Shafiq Mohd Sulaiman, 18 tahun.

Katanya, semasa pertandingan memasak peringkat awal, tetamu terhormat acara itu, Menteri di Pejabat Perdana Menteri (PMO), Encik Lim Boon Heng, telah menyuarakan keprihatinan bahawa tiada lelaki yang menganggotai kumpulannya.

"Lagipun, sebenarnya, Shafiq lebih kerap ke dapur. Beliau ringan tulang kalau diminta bantu kerja-kerja memasak. Kalau minta Shafiq bantu potong-potong sayur, memang tak jadi masalah," kata Cik Saedah.

Menantunya, Cik Norashikin, pula diberi tugas menghias makanan yang bakal dihidangkan.

Di pertandingan peringkat awal, Cik Norashikin menghias topi cef dan apron yang diberikan kepada mereka.

"Semasa pertandingan awal, kami minta Najah menyanyi sebab ibu mentua saya ingin kenalkan para juri dan ingatkan kami tentang pantang larang orang Melayu.

"Di peringkat akhir nanti, belum pasti apa yang akan kami lakukan," kata Cik Norashikin yang dihubungi semalam.



PERSEMBAHAN MENARIK: Bukan sekadar menyediakan masakan enak, Cik Saedah Tahir bersama menantunya, Cik Norashikin Abu Hussain, dan cucunya, Nur Safinatur Najah Mohd Sulaiman, memberi persembahan menarik untuk menambat hati juri dan melangkah ke peringkat akhir. – Foto TUKIMAN WARJI